

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN MAKMAL DAN
BENGKEL
KOD KURSUS : BBT 30603
KOD PROGRAM : BBV
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **LIMA (5)** SOALAN SAHAJA
DARI **TUJUH (7)** SOALAN YANG
DISEDIAKAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT

- S1 Pengurusan makmal merupakan satu seni pengurusan dalam memastikan makmal dapat diurus dengan lebih cekap dan berkesan. Justeru, pengetahuan dalam aspek mengurus perlulah dikuasai oleh guru dalam kelangsungan kecemerlangan di sekolah.
- (a) Berbantukan contoh yang sesuai, terangkan bagaimana hendak merancang, mengarah, mengawal dan bertindak untuk melaksanakan perubahan di bengkel jika anda dilantik sebagai Ketua Sektor 5S?
- (10 markah)
- (b) Huraikan secara terperinci salah satu daripada dua pendekatan sains pengurusan.
- (10 markah)
- S2 (a) Apakah fungsi Jawatankuasa dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) serta tiga (3) kepentingannya di sektor industri.
- (5 markah)
- (b) Berbantukan contoh yang sesuai, terangkan bagaimana penyiasatan kemalangan dapat dilakukan mengikut prosedur yang betul oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)?
- (5 markah)
- (c) Bagaimanakah sistem pengauditan OSH-MS 18001 dapat membantu mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja?
- (10 markah)
- S3 (a) Susun atur mesin dan peralatan hendaklah dibuat dengan teliti untuk membolehkan setiap mesin boleh digunakan secara efektif dan selamat. Terangkan maksud ruang dan tempat dalam susun atur mesin.
- (5 markah)
- (b) Berbantukan contoh yang sesuai, huraikan maksud kontrak *lumpsum* yang sering digunakan dalam pembinaan makmal.
- (5 markah)

TERBUKA**SULIT**

- (c) Lakarkan pelan lantai bengkel automotif dan terangkan secara ringkas perkara di bawah perlu diambil kira dalam susun atur bengkel.
- (i) Mekanikal
 - (ii) Elektrikal
 - (iii) Awam
- (10 markah)
- S4** (a) Terangkan tiga (3) tindakan yang perlu dilakukan semasa proses penyimpanan.
- (3 markah)
- (b) Berbantuan contoh yang sesuai, terangkan perbezaan penggunaan kod warna kuning, biru dan oren di dalam sesebuah bengkel.
- (7 markah)
- (c) Dengan menggunakan carta alir, terangkan amalan ISO 9001:2008 dalam mentadbir storan (pengeluaran bahan guna habis) bidang automotif bagi proses pengauditan.
- (10 markah)
- S5** (a) Dengan berbantuan contoh yang sesuai, jelaskan pelaksanaan penyelenggaraan yang berkesan pada sesebuah mesin atau peralatan di bengkel.
- (i) Mingguan
 - (ii) Bulanan
 - (iii) Tahunan
- (10 markah)
- (b) Huraikan faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam melaksanakan penyelenggaraan agar sistem di bawah dapat bertahan lebih lama.
- (i) Mesin dan peralatan (mekanik)
 - (ii) Pendawaian elektrik (elektrik)
 - (iii) Struktur bangunan & lantai (awam)
- (10 markah)

TERBUKA

SULIT

S6 (a) Jelaskan maksud pelupusan dan tiga (3) kriteria yang perlu diambil kira dalam melupuskan aset-aset kerajaan atau Hak Kerajaan Malaysia (HKM).

(10 markah)

(b) Berbantukan carta alir, terangkan bagaimana proses pelupusan kenderaan dapat dilakukan mengikut peruntukan kuasa Perbendaharaan Malaysia.

(10 markah)

S7 Terdapat lapan (8) proses asas yang boleh dijadikan panduan keselamatan stor yang harus diberikan keutamaan bagi memastikan aset industri ini sentiasa bersedia untuk digunakan pada waktu yang diperlukan.

(a) Nyatakan maksud bagi lima (5) daripada proses asas di atas.

(5 markah)

(b) Terangkan lima (5) daripada enam langkah yang perlu diberi perhatian semasa membuat penerimaan dari pembekal.

(5 markah)

(c) Terangkan enam (6) daripada lapan garis panduan keselamatan stor yang harus diberikan keutamaan bagi memastikan aset industri ini sentiasa bersedia untuk digunakan pada waktu yang diperlukan.

(10 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA

SULIT